TEMA 10

# Selamat Datang ke Malaysia

## Sistem Bahasa (Kertas 1)

### Bahagian A

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

1 I Ayah menghadiahi seutas gelang kepada ibu sempena ulang tahun perkahwinan mereka.
II Rosa membantu ibu menidurkan adiknya.
III Ali memanjatkan doa agar kesihatan ibunya bertambah baik.
IV Pelbagai prasarana telah dinaik taraf oleh kerajaan agar rakyat memperoleh manfaatnya.
**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

2 I Rakyat Malaysia seharusnya menyukuri nikmat kemerdekaan yang dikecapi oleh negara sejak 1957.
II Teknik mengcat dinding yang betul amat penting agar warna kelihatan sekata dan tidak bertampuk.
III Kerajaan menyasarkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi menerima Bantuan Sara Hidup.
IV Pasangan itu saling mencintai dan berjanji untuk setia sehingga akhir hayat.
**A** I dan II sahaja
**B** III dan IV sahaja
**C** I, II dan III sahaja
**D** II, III dan IV sahaja

3 I Encik Osman ingin memperisterikan anaknya Abdullah dengan Azura.
II Rancangan "Jejak Kasih" itu berjaya mempertemukan ibu dan anak yang telah lama terpisah.
III Hari Malaysia disambut sempena memperingati peristiwa penubuhan persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.
IV Penyanyi nombor satu negara memperdengari suaranya yang merdu kepada para penonton di Istana Budaya.
**A** I dan II
**B** III dan IV
**C** I, II dan III
**D** II, III dan IV

### Bahagian B

*Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan bahasa. Garis kesalahan bahasa** *tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

**1** Pada musim pandemik ini, setiap individu seharusnya mengetahui tentang cara penjagaan diri yang betul bagi mengelakkan jangkitan.

________________________________________

**2** Seramai 50 pelajar-pelajar tahfiz yang mendaftarkan diri untuk menyertai pertandingan tilawah al-Quran pada tahun ini.

________________________________________



LIVEWORKSHEETS